# MEQAR

JELAJAH ILMU AL-QURAN

EDISI 1/2015



## Usia 3 tahun, fasih baca Al-Quran menerusi Qiraati

## Alunan Tarannum menusuk kalbu

## Keindahan seni Khat sumber inspirasi

Satu penerbitan Masjid Mujahidin


"Dan sesungguhnya, Al-Quran itu kebenaran yang meyakinkan."
Surah Al-Haqqah, Ayat 51

## Alhamdulillah,
## dengan izin Allah Swt,
## kita bertemu dalam edisi pertama majalah MeQar – Jelajahi Ilmu Al-Quran.

Segalanya bermula dengan satu impian. Dan bagi jawatankuasa MeQar di Masjid Mujahidin, impiannya kini menjadi kenyataan dengan terlaksananya penerbitan nashkah istimewa yang mengagungkan kebesaran kitab suci Al-Quran selain menampilkan peranan penting masjid ini sebagai pusat Al-Quran sejak lebih dua dekad yang lalu.

Sejak tiga bulan yang lalu, jawatankuasa MeQar telah bertemu secara tetap untuk membincangkan penerbitan yang akan menjadi bahan bacaan para jemaah bukan saja di masjid ini malah di seluruh Singapura.

Ia satu inisiatif yang amat penting buat kami semua kerana sejak 1990an lagi, Masjid Mujahidin telah menjadi satu-satunya pusat Al-Quran yang menawarkan pengajian kitab suci ini menerusi kaedah Qiraati.

Selain itu, pusat ini juga merupakan tumpuan para jemaah yang ingin memperhalusi bacaan Al-Quran dengan alunan Tarannum. Lebih menarik lagi, masjid ini juga memainkan peranan sebagai pusat mempelajari seni penulisan Khat yang indah.

Lebih daripada sebuah tempat ibadah, Masjid Mujahidin ingin melahirkan generasi yang mencintai Al-Quran. Berbekalkan semangat dan impian tersebut, lahirlah MeQar yang kami harap dapat membantu masyarakat Muslim menjelajah ilmu Al-Quran dan menerapkan nilai dan pengajarannya dalam kehidupan seharian mereka.

Insya-Allah.

Editor
Rohainizah Adnan


















# di dalam


Kata-kata Aluan Mufti 3

Kata-kata Aluan Pengerusi Eksekutif 5

Belajar Al-Quran menerusi Qiraati 6

Beliau menitiskan airmata kerana Qiraati 10

Acara terkini masjid kami 12

Usia bukan penghalang, 85 tahun masih belajar 14

Sejarah Al-Quran 18

Keindahan Alunan Tarannum 22

Seni Khat menakjubkan 24

The Quranic Lifestyle 30

Al-Quran as my Companion 32

Hebatnya memberi daripada menerima 34

Galeri Jelajah Ilmu Al-Quran 36

Centre for Uplifting Spirituality 38

Menanti Ramadan 40

# KATA-KATA ALUAN



**Mufti Dr Fatris Bakaram**
Majlis Ugama Islam Singapura

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, segala usaha Masjid Mujahidin untuk meningkatkan cinta ummah kepada Al-Quran berhasil kini dengan lahirnya naskhah unggul MeQar, Jelajah Ilmu Al-Quran serta galeri Qiraati, Tarannum dan Khat.

Al-Quran adalah rahmat bagi kita semua kerana selain daripada menjadi petunjuk dan pembeza antara yang benar dengan yang batil, ia juga adalah penawar berbagai penyakit rohani dan jasmani. Menerusi surah Yunus, ayat 57, Allah berfirman: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran dari Tuhanmu, penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dada, dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman."

Justeru itu Al-Quran perlu dijadikan kitab petunjuk untuk kita fahami dan yakini tanpa ragu-ragu. Hargailah nikmat Al-Quran dengan beramal dengan kandungannya. Ini kerana ia adalah kitab huraian kepada masalah manusia.

Umat Islam bukan sahaja dituntut belajar membaca Al-Quran, malahan kita semua dituntut untuk menjadikannya amalan harian. Dengan menjadikan amalan membaca Al-Quran sebagai rutin kehidupan, ia akan mencetuskan budaya berfikir kerana setiap ayat di dalam kitab suci ini membuat kita berfikir.

Untuk menjadi Muslim yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak dan cemerlang dunia akhirat, tidak harus terhenti setakat tahu membaca Al-Quran sahaja. Mereka harus berusaha mengambil langkah mengubah diri menjadi generasi yang mengambil tahu dan mengambil berat tentang Al-Quran. Sifat serta sikap prihatin tentang Al-Quran akan mendorong budaya tadabbur.

Akhir kata, semoga apa yang diusahakan oleh Masjid Mujahidin akan dimanfaatkan oleh umat Islam bukan saja di kawasan ini, tetapi juga di seluruh negara. Amin.

**Penasihat**
Hj Muhammad Khairul Jameel bin Yahya

**Editor**
Rohainizah Adnan

**Kontributor**
Ustaz Nor Muhammad bin Ali
Ustaz Mohamed Iszam bin Karim
Ustazah Nur Fathiah Bte Abdussamad
Ustaz Affandi Amat
Ustaz Ahmad Shamsudin
Ustazah Sarimah Talip
Ustaz Mohamad Ali Amat

**Pengarah Seni**
Ishak Ismail

**Penyelaras Penerbitan**
I.Media Concept

**Diterbitkan oleh**
Lembaga Pentadbir Masjid Mujahidin

Masjid Mujahidin
590 Stirling Road Singapore 148952
Tel: 6473 7400
Fax: 6473 6241
Email: info@mujahidin.mosque.org.sg
Website: mujahidinmosque.sg

"Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang."

Al-Fatiha 2-3

# KATA-KATA ALUAN



**Haji Muhammad Khairul Jameel bin Yahya**
Pengerusi Eksekutif
Masjid Mujahidin

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Swt, kerana dengan izin dan limpah kurnia serta rahmatNya jua kita dapat merealisasikan naskhah terulung Masjid Mujahidin.

Bertajuk MeQar, ia diilhamkan berdasarkan keprihatinan pihak masjid untuk mengimarahkan lagi pusat Al-Quran yang telah ditubuhkan sejak tahun 1990an. Pada tahun 1997, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah mengenal pasti tiga buah masjid yang diberikan peranan menjalankan kegiatan bercorak Islam secara khusus di peringkat nasional bagi menjana masjid sebagai sebuah pusat kecemerlangan.

Masjid Mujahidin telah dikhususkan sebagai pusat pendidikan Al-Quran mengikut kaedah Qiraati atau pendeknya Qiraati. Sejak menjadi pusat Al-Quran, lebih 1,000 asatizah telah menerima latihan dalam kaedah Qiraati.

Saya amat berbesar hati bahawa sambutan para asatizah dan masyarakat Islam terhadap kursus Qiraati amat menggalakkan. Setiap hujung minggu, kanak-kanak dari usia lima tahun hinggalah jemaah dewasa yang berusia 80an tahun tekun berada di masjid ini untuk mengikuti kelas-kelas yang sedia ada.

Kitab suci Al-Quran adalah mukjizat teragung junjungan kita Nabi Muhammad Saw yang mengandungi petunjuk, peringatan dan pengajaran daripada Allah Swt. Memuliakan Al-Quran pasti menghasilkan pelbagai keberkatan. Ummah yang berjaya adalah ummah yang mengamalkan bacaan Al-Quran serta petunjuk yang ada di dalamnya.

Semoga, dengan terbitnya majalah MeQar dapatlah kita jadikan masjid ini sebagai tempat untuk jelajah Ilmu Al-Quran bagi setiap lapisan masyarakat. Amin.



# Belajar Al-Quran Menerusi Qiraati



*Ustaz Mohamed Iszam bin Karim*

Sejak 1994, Masjid Mujahidin telah menjadi pusat Al-Quran yang memperjuangkan pendidikan Al-Quran menerusi kaedah Qiraati. Pada 1997, iaitu empat tahun kemudiannya, ia mendapat pengiktirafan daripada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sebagai salah satu masjid yang diberikan peranan menjalankan kegiatan ber-corak Islam secara khusus di peringkat nasional bagi menjana masjid sebagai sebuah pusat kecemerlangan. Bagi Masjid Mujahidin, peranannya ialah sebagai pusat pendidikan Al-Quran menerusi kaedah Qiraati.

Ustaz Mohamed Iszam bin Karim, Ketua Unit Al-Quran Masjid Mujahidin berkata: "Sambutan para jemaah terhadap kelas-kelas Qiraati yang kami adakan amat menggalakkan. Malah, kami ada menerima permintaan untuk mengadakannya pada hari-hari biasa pada waktu malam."

Buat masa ini, kelas Qiraati diadakan pada hujung minggu. Kelas akan dibuka pada hari-hari biasa berdasarkan permintaan ramai. "Apa yang menarik perhatian kami ialah kian ramai orang-orang dewasa dan warga tua. Pihak masjid amat berbesar hati dengan sambutan dan sokongan yang kami terima daripada para jemaah."

Daripada lebih 1,000 guru-guru mengaji yang telah diiktiraf menerusi pengajian mereka di Pusat Pendidikan Al-Quran, ramai yang kini mengajar di rumah-rumah serta di masjid.

## Sejarah kaedah Qiraati

Qiraati adalah satu kaedah baru pembelajaran Al-Quran yang lebih sistematik, mudah dan cepat. Ia disusun oleh seorang guru ngaji Ust. KH Dachlan Salim Zarkasyi sejak tahun 1963. Sehingga kini, ia sudah tersebar dan diamalkan secara berkesan di merata tempat di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Alhamdulillah, berkat kegigihan penyusun, kaedah Qiraati ini dirasakan mudah difahami oleh kanak-kanak meskipun baru berusia 3 tahun. Oleh itu Ustaz Dachlan menyusun kaedah ini mengikut peringkat usia para pelajar. Beliau telah menyusun buku Qiraati ini khusus untuk usia 3 tahun, usia 4 - 6 tahun dan ada juga khusus untuk para remaja dan orang-orang dewasa. Ustaz Dachlan menginginkan agar setiap orang Islam mampu membaca Al-Quran dengan bacaan yang baik dan betul, yang dikenali dengan bacaan tartil.

Sebelumnya beliau mendapati kebanyakan murid hanya mampu membaca tulisan Arab sahaja bukan membaca Al Quran secara tartil. Bagi beliau membaca tulisan Arab biasa tidak sama dengan membaca Al-Quran. Membaca Al Quran mempunyai aturan-aturan sendiri yang tidak biasa digunakan di dalam bahasa Arab harian.

Dengan kaedah Qiraati ini, beliau telah menyusun buku mengikut peringkat-peringkat yang sesuai untuk setiap tahap samada untuk peringkat murid atau peringkat guru yang mengajar.

Pada tahun 1970 buku Qiraati mula dicetak yang pada mulanya terdiri dari 10 jilid. Sejajar dengan perkembangan masa, maka tersusunlah Qiraati 6 jilid untuk usia kanak-kanak dan Qiraati 3 jilid untuk peringkat dewasa. Namun di Singapura, hanya menggunakan 5 jilid buat masa ini untuk kanak-kanak.

Sejarah penyusunan Qiraati banyak mengandungi perkara-perkara yang menunjukkan bahawa Allah Swt telah memberikan ilham kepada penyusun Qiraati untuk memudahkan masyarakat Islam masa kini mempelajari bacaan Al-Quran dengan lebih mudah dan selesa.

Qiraati bertujuan untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran selain melatih para murid membaca Al-Quran secara tartil sejak permulaan mengenali huruf-huruf Al-Quran. Kata Ustaz Iszam, "Menerusi pusat pendidikan Al-Quran ini, kami harap tiada lagi kanak-kanak yang tidak mengikuti kelas Al-Quran."

## Kaedah Qiraati

**Buku 1 Kanak-kanak**

Memperkenalkan huruf-huruf hijaiyyah, huruf berharakat fathah termasuk huruf sambung. Murid mesti dilatih membaca lancar dari sejak muka surat pertama sehingga muka surat terakhir. Jika dua huruf belum mampu dikenali oleh murid maka satu huruf mesti diajar dengan berbagai macam cara termasuk menggunakan carta dan papan tulis serta buku.

Carta mesti digunakan di dalam kelas ketika membaca bersama agar masa dapat dimanfaatkan secara lebih efektif. Guru hanya memberi contoh bacaan baris pertama di dalam carta dan selanjutnya para murid dilatih membaca sendiri dengan lancar. Alat penunjuk perlu disediakan dan

"Menerusi pusat pendidikan Al-Quran ini, kami harap tiada lagi kanak-kanak yang tidak mengikuti kelas Al-Quran."

Ustaz Iszam



memperbetulkan cara penggunaan alat penunjuk agar semua murid dapat melihat carta dengan baik. Setelah bacaan bersama selesai maka setiap murid disemak bacaannya seorang demi seorang. Guru harus mempunyai rekod bacaan setiap murid. Ini untuk membolehkan guru mengenalpasti murid yang mampu menguasai pembelajaran lebih cepat dengan mereka yang masih belum mampu.

Guru perlu memastikan tidak ada kesalahan baca meskipun satu perkataan sebelum dipindah ke muka surat selanjutnya. Bacaan pelajar mesti lancar, tidak putus-putus dan tidak panjang-panjang.

Pemindahan buku dilakukan oleh guru setelah guru tersebut memastikan bahawa murid diyakini telah mampu membaca dengan baik seluruh buku 1. Perkara yang sama iaitu memastikan tidak ada kesilapan membaca dan murid hanya dipindahkan ke tahap seterusnya setelah guru yakin murid mampu untuk membaca dengan baik, adalah satu amalan yang dimestikan bagi buku-buku berikut.





*"Gambar di atas: Murid-murid kelas Al-Quran dan Qiraati"*

**Buku 2 Kanak-kanak**

Memperkenalkan harakat kasroh, dhummah, tanwin, angka Arab dan pelajaran Mad (panjang). Bacaan lancar adalah ciri murid Qiraati sehingga muka surat yang terakhir.

Bacaan mad (khusus buku 2 kanak-kanak) dibaca lebih panjang dari biasa. Kerana murid selalu mengurangi mad jika belum terbiasa. Oleh itu khusus di dalam buku 2 kanak-kanak ini, murid diperkenalkan dengan bacaan panjang yang lebih dari biasanya.

Seperti Buku 1, carta mesti digunakan untuk bacaan secara berkumpulan. Guru yang selalu menggunakan carta, akan lebih mudah untuk mengajar bacaan lancar dan lebih berkesan daripada hanya mengajar secara seorang-seorang sahaja. Setelah bacaan bersama selesai maka setiap murid disimak bacaannya seorang demi seorang.

Setiap murid harus direkod tahap bacaannya. Oleh itu Guru harus mempunyai rekod kemampuan bacaan setiap murid. Para guru perlu memastikan tiada kesilapan membaca meskipun satu perkataan sebelum dipindah ke muka surat selanjutnya. Bacaan mesti lancar, tidak putus-putus dan tidak panjang-panjang. Pemindahan buku dilakukan oleh guru selain guru kelasnya setelah guru tersebut memastikan bahawa murid diyakini telah mampu membaca dengan baik seluruh buku 2.

**Buku 3 Kanak-kanak**
Memperkenalkan pelajaran sukun. Di dalam buku 3 ini diajarkan huruf-huruf sukun yang mudah yakni selain nun sukun dan huruf-huruf qalqalah. Huruf-huruf sukun mudah diwakili oleh lam sukun, sin sukun, mim sukun dan ra' sukun. Para murid perlu membaca dengan lancar sehingga muka surat yang terakhir. Bacaan mad di dalam buku ini harus dibaca sebagaimana di dalam ilmu tajwid tidak sperti di buku jilid 2 yang dibaca lebih panjang daripada biasa.

Seperti buku 1 dan 2, carta mesti digunakan untuk bacaan secara berkumpulan. Guru yang selalu menggunakan carta, akan lebih mudah untuk mengajar bacaan lancar dan lebih berkesan daripada hanya mengajar secara seorang-seorang sahaja.

Setelah bacaan bersama selesai maka setiap murid disemak bacaannya seorang demi seorang. Setiap murid harus direkod tahap bacaannya. Oleh itu pihak guru harus mempunyai rekod kemampuan bacaan setiap murid.

**Buku 4 kanak-kanak**
Memperkenalkan pelajaran ikhfa', idgham dan wajibul ghunnah. Bacaan dengung-dengung menjadi pelajaran utama di dalam buku 4 ini. Oleh itu guru yang mengajar buku 4 ini mestilah benar-benar guru yang sudah menguasai bacaan-bacaan dengung.

Pelajaran huruf-huruf pembukaan surah seperti alif lam mim, alif lam ra, ya siin dan sejenisnya juga mendapatkan penekanan di dalam buku 4 ini. Setiap murid Qiraati di peringkat ini mesti berupaya membaca dengan lancar hingga muka surat terakhir. Bagi bacaan berkumpulan, guru-guru harus menggunakan carta. Ini memudahkan pembelajaran.

**Buku 5 kanak-kanak**
Memperkenalkan pelajaran idgham ma'al ghunnah, pelajaran waqaf dan pelajaran qalqalah. Dalam buku 5 ini, murid-murid mula dilatih membaca beberapa surah pendek yang ada di Al-Quran. Mereka harus baca dengan lancar hingga halaman terahir.

Penggunaan carta serta pembacaan yang lancar terus ditekankan. Dan seperti buku-buku sebelumnya, para murid harus disahkan lancar sebelum berpindah ke peringkat seterusnya. Pemindahan buku dilakukan oleh guru selain guru kelasnya setelah guru tersebut memastikan bahawa murid diyakini telah mampu membaca dengan baik seluruh buku 5.

## Kelas Al-Quran

Semasa kelas ini, murid-murid membaca secara berkumpulan agar membiasakan diri dengan bacaan lancar. Setiap murid diberi kesempatan untuk membaca dengan baik dan lancar serta cara pengaturan nafas ketika waqaf dan ibtida'.

Murid-murid akan mempelajari tentang tajwid secara teori dan praktikal. Begitu juga dengan pelajaran gharib dan musykilat. Matlamat kelas Al-Quran ini ialah bagi setiap murid mesti dapat membaca dengan lancar, fasih, tahu hukum-hukum tajwid secara teori dan praktikal, tahu bacaan gharib dan bacaan hati-hati, hafal surah-surah pendek, hafal bacaan-bacaan solat, doa-doa pendek, kalimah-kalimah thoyyibah.

Hanya setelah murid-murid menguasai perkara-perkara tersebut, barulah dia boleh katam Al-Quran.

**"Biarpun sebilangan besar daripada mereka tahu membaca Al-Quran, mereka ingin memperhalusi pembacaan mereka menerusi kaedah Qiraati."**



# Beliau menitiskan air mata kerana Qiraati



*Ustaz Mohammad Masruh bin Ahmad*

Sanubari pencinta Al-Quran sebak sejurus melihat kanak-kanak berusia lima tahun bukan saja boleh membaca Al-Quran dengan baik malahan sudah boleh menghafal lima surah pada usia sekecil itu. Ketika itu juga Ustaz Mohammad Masruh bin Ahmad menitiskan air mata. Jelas rasa gembira dan syukur.

Siapa sangka, perjalanan perjuangan Ustaz Masruh untuk mendalami kaedah Qiraati berputik daripada hasrat untuk mendidik anak-anaknya sendiri dengan kaedah tersebut. Oleh kerana ketika itu tiada pendidik Qiraati yang dapat mengajarnya, beliau membuka Taman Al-Quran Raudhatul Mujawwidin pada 1991.

Taman Al-Quran yang terletak di Sungai Ramal Kajang masih lagi berfungsi biarpun Ustaz Masruh seringkali berulang-alik di antara Singapura dengan Malaysia untuk mengajar, menguji dan mengiktiraf asatizah yang berminat untuk mengajar kaedah Qiraati.

Ketika ditemui di Masjid Mujahidin, satu-satunya pusat Qiraati di Singapura, Ustaz Masruh yang merupakan tunggak pusat Al-Quran di masjid itu, menceritakan pengalamanya bertemu dengan pengasas kaedah Qiraati iaitu, Bapak H Dachlan Salim Zarkasyi dari Semarang.

"Saya mendengar anak-anak sekecil tiga, empat tahun membaca Al-Quran dengan begitu tepat dan fasih sekali. Dari situ minat saya untuk mempelajari kaedah ini sendiri dari pengasasnya, Bapak H Dachlan.

"Saya tertarik menggunakan sistem itu selepas berjaya mengajar anak saudara sendiri Mohd Fikri Akram yang berusia tiga tahun. Saya menitiskan airmata apabila Fikri yang kecil itu dapat membaca Al-Quran dengan begitu tepat sekali.



"Setelah saya berkeluarga dan mempunyai anak, saya ingin anak-anak saya mempelajari kaedah yang sama. Oleh kerana ketika itu tiada pusat Qiraati, saya sendiri membuka kelas-kelas di rumah yang saya sewa," ujar beliau yang lahir di Semarang dan pada mulanya belajar di Pondok Moderen Gontor Ponogoro, Jawa Timur.



*Murid-murid Kursus Calon Guru Al-Quran Metode Qiraati*

Setelah itu, beliau ke Universiti Islam Antarabangsa Madinah di mana beliau lulus dengan Sarjana Muda Bahasa Arab. Beberapa tahun kemudian, Ustaz Masruh melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana di Universiti Punjab di Pakistan dalam Bahasa Arab. Beliau juga memiliki Sarjana dalam Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biarpun sambutan terhadap Taman Al-Quran yang dibukanya tidaklah begitu menggalakkan dengan hanya empat anak jiran yang belajar dengannya, kini ia menjadi tumpuan para remaja dan ibu bapa yang ingin anak-anak mereka mengaji mengikut kaedah Qiraati.

Kata Ustaz Masruh yang berusia 57 tahun, "Tidak semestinya seorang yang telah khatam Al-Quran 30 juz itu benar-benar telah menguasai pembacaan Al-Quran yang tepat. Saya pernah menguji beberapa asatizah yang saya tidak luluskan kerana mereka masih belum fasih membaca Al-Quran."

Kerana itu, tidak hairanlah di Masjid Mujahidin, antara pelajar di pusat Al-Qurannya adalah mereka yang berusia 80 tahun ke atas.

Ustaz Masruh mengunjungi Masjid Mujahidin secara tetap untuk memastikan asatizah yang mempelajari kaedah ini dan ingin mengajarnya, diuji dan dipastikan bertauliah.



**Sistem Qiraati yang bermaksud "bacaan saya" dicipta oleh Bapak H Dachlan Salim Zarkasyi dari Semarang sejak 1963. Sistem ini dicipta bagi memudahkan pembelajaran Al-Quran di kalangan kanak-kanak. Selain cara mengajar secara konvensyenal, sistem ini menggunakan alat pandang dengar dan kad tayang untuk menjadi lebih berkesan.**

**Dengan berbekal ilmu dan pemahaman tentang Al-Quran yang Allahyarham H Dachlan miliki, beliau menularkan ilmu Al-Quran di teras rumahnya. Dibantu oleh anak-anaknya, beliau sempatkan mengajar anak-anak di sekitar rumahnya membaca Al-Quran.**

**Kiai Dachlan yang meninggal pada 20 Januari 2001, mungkin tidak pernah menyangka bahwa hasil karyanya akan digunakan dengan meluas kini.**

# Acara Terkini Masjid Kami



*Syarahan Perdana bersama Ustaz Azhar Idrus*



*Maulid bersama Ustazah Habibah*



*Rombongan Misi Pasca Banjir, Kelantan*







*Maulid bersama Ustaz Noor Tijany*



*Maulid bersama Ustaz TM Fouzy*



*MM Kindergarten, End-of-Term get-together*

# Usia bukan penghalang

## 85 tahun, masih belajar Al-Quran



*Hajah Jamilah Hj Mohd Saad*




Jika dulu beliau sering kesepian apabila suaminya meninggal dunia, kini Hajah Jamilah memenuhi kesepian itu dengan mengaji Al-Quran.

Usia 85 tahun tidak menghalang ibu kepada tujuh orang anak menghadirkan diri setiap Sabtu di Masjid Mujahidin untuk mempelajari bacaan Al-Quran mengikut kaedah Qiraati.

Malah, kata beliau, rasa resah akan melanda dirinya apabila beliau tidak ke masjid. Kerana itu, beliau yang tinggal di kawasan Queenstown akan menghabiskan Sabtunya bersama jemaah-jemaah lain untuk belajar. Selain daripada itu, beliau juga mengikuti syarahan agama di masjid.

Kata Hajah Jamilah yang kini tinggal bersama anak lelakinya: "Cik kalau boleh tak mahu ketinggalan kelas ini. Seberapa boleh cik akan datang. Lainlah kalau badan tak sihat."

Mengaji Al-Quran katanya memberinya ketenangan. Biarpun beliau tidak fasih berbahasa Arab dan memahami dengan mendalam erti Al-Quran, namun beliau rasa tenang setiap kali berhadapan dengan kitab suci dan membacanya.

## Belajar Al-Quran Tak Susah

Suka, itulah kata-kata dua beradik Nur Darwisyah Iskandar dan Muhamad Irfan Iskandar apabila ditanya tentang mengaji dengan kaedah Qiraati.

Adik Nur, 6 tahun, yang merupakan pelajar Tadika 2, di My First School adalah antara pelajar yang paling muda di Masjid Mujahidin. Setiap Sabtu, Nur dan abangnya, Muhamad Irfan, 11 tahun, berjalan kaki dari rumah mereka di Stirling Road untuk menghadiri kelas di masjid.

Muhamad Irfan, yang kini di darjah Enam di Sekolah Rendah Pei Tong berkata: "Senang belajar Qiraati." Dia telahpun selesai buku 1. Selain kelas Qiraati, Muhamad Irfan juga menghadiri kelas madrasah mingguan Alive di masjid yang sama.

Selain berpeluang mengenali Al-Quran, kelas Qiraati juga memberi kedua-duanya peluang untuk mempunyai rakan sebaya. Ini yang membuat kelas Qiraati seronok bagi kedua-duanya.

Apabila ditanya adakah mereka teruja untuk mempelajari Al-Quran, kedua-duanya menganggguk tanda setuju.





*Adik Nur Darwisyah Iskandar (6 tahun) dan Adik Muhamad Irfan Iskandar (11 tahun)*

Bagi Azreen Begum d/o Mohamed Haneef, minatnya untuk mempelajari Al-Quran yang telah mendorong pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) untuk menyertai kelas Qiraati di masjid Mujahidin.

Sebelum ini, dia pernah mengikuti kursus membaca Al-Quran di sebuah masjid. Apabila mendapat tahu bahawa kelas Qiraati lebih mudah dan sistematik, dia terus mendaftar diri.



*Azreen Begum d/o Mohamed Haneef*

Azreen kini di peringkat Al-Quran dan biarpun dia mendapatinya sukar, namun dengan bimbingan ustazah, dia dapat memahami cara Qiraati.

Ditanya tentang pengalamannya mempelajari Al-Quran, dia berkata bahawa ia sesuatu yang memanfaatkan. "Pada mulanya sukar, tetapi seseorang itu mestilah berusaha," katanya.

Oleh kerana Azreen tidak memahami bahasa Arab, dia menggunakan terjemahannya dalam bahasa Inggeris untuk mendalami isi setiap ayat di Al-Quran.

Kedua-dua adik lelakinya turut belajar Qiraati di masjid Mujahidin.

**"Pada mulanya sukar, tetapi seseorang itu mestilah berusaha."**

Azreen Begum

"Sebaik-baiknya kamu adalah yang belajar Al-Quran dan mengajarnya."

Riwayat Bukhari





# Sejarah

Allah Swt telah menurunkan Al-Quran sebagai satu mukjizat yang membuktikan kerasulan Nabi Muhammad Saw, dan kewujudan Yang Maha Esa dengan segala sifat-sifat kesempurnaanNya. Membaca Al-Quran serta menghayati dan mengamalkannya adalah satu ibadah yang mendekatkan diri seseorang kepada Allah Swt. Al-Quran adalah sebuah kitab panduan hidup manusia dan rujukan utama umat Islam di samping sunnah Rasulullah. Al-Quran dinukilkan secara mutawatir (berperingkat atas sebab penurunannya), dan mushaf yang lazim ditemui hari ini dikenali sebagai mushaf Uthmani.

Dalam rencana ini, MeQar menyingkap sejarah Al-Quran, dari segi cara wahyu diturunkan, peringkatnya, tempat turunnya, masanya, awalnya dan akhirnya.

## Pengumpulan dan Pembukuan Al-Quran

Setiap ayat yang dibawa oleh malaikat Jibril dihafaz oleh Nabi Saw kemudian baru dibacakan kepada sahabat. Nabi Saw menghafaznya dengan tepat kerana bimbang jika tertinggal perkataan tertentu atau huruf tertentu. Baginda kemudiannya mengulangi bacaan ketika Qiyamullail (bangun malam) dan solat.

Setiap Ramadan, Nabi Saw ditasmi (mendengar dan membetulkan) bacaannya oleh malaikat Jibril secara bertadarus. Pada akhir hayat Baginda, malaikat Jibril mentasminya sebanyak dua kali. Sementara itu, para sahabat berusaha dengan gigih menghafaz dan mempelajari serta memahaminya dengan menjauhi kenikmatan tidur dan rehat.

Seperti Rasulullah Saw, sahabat turut memanfaatkan masa malam mereka untuk mengukuhkan hafalan mereka. Di antara huffaz (penghafaz/ penghafal Al-Quran) terkenal daripada sahabat iaitu empat orang Khulafa Ar-Rasyidin (Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman al-Affan dan Ali bin Abi

# Al-Quran



Talib), Talhah, Ibnu Mas'ud, Huzaifah, Abu Hurairah, Ibnu Omar, Ibnu Abbas, (Ai'syah dan Hafsah - isteri Rasullullah). Huffaz yang lain termasuk golongan Ansar (penduduk asal kota Madinah) antaranya Ubai bin Ka'ab, Muaz bin Jabal dan Zaid bin Thabit.

## Penulis Wahyu

Pada masa yang sama, Nabi Saw melantik penulis wahyu bagi pembelajaran berkesan setiap kali wahyu turun sebagai tambahan dalam hafalan supaya tidak hilang begitu saja. Di antara penulis itu ialah empat Khulafa' Ar-Rasyidin, Muawiyah bin Abu Sufian, Khalid bin al-Walid, Ubai bin Kaab dan Zaid bin Thabit. Penulisan ketika itu hanya dibuat di atas kulit kayu, batuan, kulit haiwan dan kain-kain. Sewaktu Rasulullah SAW masih hidup, ayat al-Quran tidak dihimpunkan dalam satu mushaf (teks lengkap yang berbuku).

Ini disebabkan kepada beberapa faktor iaitu:

- Tidak ada faktor yang membolehkan untuk dikumpul satu mashaf daripada kemudahan penulisan, sedangkan sewaktu itu ada ramai huffaz (penghafal Al-Quran) dan qurra' (pembaca Al-Quran).
- Ada di antara ayat yang diturunkan itu nasikh dan mansukh (hukum atau ayat yang bertukar disebabkan perkara tertentu).
- Ayat al-Quran tidak diturunkan sekali gus, tetapi beransur-ansur.
- Setiap ayat yang turun adalah atas satu-satu faktor, sebab dan peristiwa.

## Zaman Khalifah

Ketika zaman Khalifa Saidina Abu Bakar, hampir 70 orang huffaz yang terkorban dalam peperangan Yamamah. Lalu Saidina Umar mencadangkan kepada Saidina Abu Bakar supaya dihimpunkan helaian ayat-ayat Al-Quran yang ditulis berasingan sebelumnya kerana bimbang akan kehilangannya dengan sebab kematian huffaz dan qurra'.



Pada mulanya Saidina Abu Bakar ragu-ragu kerana Nabi Saw tidak pernah melakukannya dan takut seandainya berlaku perubahan ayat atau pertukaran ayat Al-Quran. Selepas dibincang dengan teliti, atas alasan maslahah dan menyedari bahawa ia adalah satu wasilah yang paling agung untuk memudahkan menghafaznya serta mengelakkan daripada hilang dan luput, maka Saidina Abu Bakar bersetuju untuk dikumpulkan ayat Al-Quran itu.

Beliau mendapatkan beberapa huffaz dan penulis wahyu zaman Nabi Saw yang masih hidup antaranya Zaid bin Thabit yang mengumpulkan daripada lembaran yang ada dan akhirnya diikat kemas, tersusun turutan ayatnya sebagaimana yang ditetapkan oleh Rasulullah Saw.

## Naskah Al-Quran Lama Tanpa Baris

Mushaf atau versi Al-Quran ini diserahkan kepada Saidina Abu Bakar. Selepas kewafatan Baginda, diserahkan pula kepada Saidina Umar al-Khattab. Selepas Saidina Umar wafat, mushaf itu dipindahkan ke rumah Hafsah, isteri Rasulullah Saw yang juga anak Saidina Umar sehingga ke saat pengumpulan dan penyusunan Al-Quran pada zaman Khalifah Uthman.

Apabila berlaku pertentangan dari sudut bacaan ayat Al-Quran (disebabkan kemunculan ilmu Qiraat yang telah diizinkan Nabi Muhammad sebelumnya), ia akhirnya memaksa kepada tindakan Khalifah Uthman untuk membukukan Al-Quran. Maka dibentuk satu jawatankuasa penyelaras dalam usaha membukukannya.

Pada peringkat awal, jawatankuasa penyelaras Al-Quran itu telah membukukan sebanyak 6 buah naskhah Al-Quran. Naskhah yang disimpan oleh Khalifah Uthman bin Affan sendiri kemudiannya di hantar ke Kota Basrah, kota Kufah, kota Syam serta kota Madinah Al-Munawwarah dan kota Makkah Al-Mukarramah.

Ini disusuli dengan penerbitan dua naskhah khas yang disalin terus dari naskhah Khalifah Saidina Uthman bin Affan untuk simpanan Sheikh Umar

### CARA AL-QURAN DITURUNKAN KEPADA NABI SAW

**HATI**
Jibril memasukkan ke dalam hati Baginda dalam keadaan Baginda tidak melihat apa-apa, hanya Baginda berasa bahawa wahyu itu berada dalam hatinya.

**PENGUCAPAN**
Malaikat memperlihatkan dirinya sebagai seorang lelaki dengan mengucapkan ayat kepada Baginda sehingga Baginda benar-benar dapat menghafaz ayat yang diturunkan itu.

**BUNYI**
Wahyu datang kepadanya berserta bunyi loceng. Ini adalah cara yang paling berat dihadapi oleh Baginda sehingga keadaan baginda sangat panas walaupun ketika itu cuaca sangat sejuk.

**DATANGNYA JIBRIL**
Jibril memperlihatkan dirinya yang sebenar sepertimana yang dialami oleh Baginda sewaktu turunnya ayat surah al-Muzammil.

> "Dan sesungguhnya al-Quran itu benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam, dibawa turun oleh Ar-Ruhul Amin (Jibril) ke dalam hatimu (Muhammad saw) supaya kamu menjadi salah seorang di antara orang yang memberi peringatan dengan bahasa Arab yang jelas."
>
> Surah As-Syura Ayat 192-195

### 3 PERINGKAT PENURUNAN AL-QURAN

1. **ALLAH Swt menurunkan Al-Quran ke Luh Mahfuz secara sekali gus bukannya secara beransur-ansur.**

   **"Bahkan apa yang didustakan mereka itu ialah al-Quran yang mulia, yang tersimpan dalam Luh Mahfuz." Surah al-Buruj: 21 - 22**

2. **Dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah di langit dunia juga diturunkan sekali gus.**

   **"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran di malam yang penuh keberkatan." Surah Ad-Dukhan: 3**

   **"Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran pada malam al-Qadr." Surah Al-Qadar: 1**

   **"Bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran." Surat Al-Baqarah: 185**

3. **Turun dari langit dunia kepada Nabi Saw melalui perantaraan Jibril bermula 17 Ramadan.**

Dany dan Sheikh Abu Daud Sulaiman bin Najah. Dua salinan baharu itu hanya digunakan tatkala timbulnya perselisihan berkenaan teks salinan sebenar Kitab suci Al-Quran, serta membetuli akan keraguan dalam masyaf Al-Quran enam buah seperti yang dinyatakan di atas, akibat timbul dari perbezaan sebutan dan periwayatan imam-imam Qiraat.

## Mushaf Uthmani

Mushaf atau versi Uthmani yang asli yang dipegang oleh Khalifah Uthman sendiri serta dua buah kitab yang disalin darinya sebenarnya ditulis dan disalin mengikut ejaan dan sebutan Arab Quraisy yang tepat mengikut bacaan Nabi Muhammad selaku seorang yang berbangsa Arab Quraisy.

Ini dapat dibuktikan dengan penulisan dan pembarisan ayat-ayat Al-Quran mushaf Uthmani itu sendiri yang diriwayatkan oleh Hafs bin Sulaiman ibn Mughairah Al-Asadi Al-Kufi menurut bacaan Asim bin Abi Najud Al-Kufi At-Taabie daripada Abi AbdilRahman Abdillah bin Habibi Sulami daripada Uthman bin Affan, Ali bin Abi Thalib, Zaid bin Sabith dan Ubai bin Kaab dan akhirnya daripada Muhammad bin Abdullah (Nabi Saw).

Manakala cara membarisnya pula adalah diambil daripada apa yang telah diakui kesahihannya oleh para Ulama seperti yang dibandingkan dalam Kitab "At-Tarazu Ala Dhabtil Kharazi" karangan Imam At-Tanassi dengan mengambil tanda-tanda Al-Khalil bin Ahmad dan Para pengikut daripada kalangan (Masyariqah) Masyarakat Al-Quran, gantian daripada tanda-tanda yang disepakati oleh orang Andalusia (di Sepanyol) dan orang-orang Maghribi.

Akhirnya terhasillah apa yang dinamakan Mushaf Uthmani hasil penggemblengan tenaga oleh Zaid bin Thabit sebagai ketua, Abdullah bin Zubair, Said bin Ash dan Abdul Rahman bin Harith bin Hisyam. Hingga hari ini, mushaf Uthmani digunakan di seluruh dunia



*Ustaz Nor Muammad bin Ali*

# Keindahan Alunan Tarannum

Keindahan Al-Quran bukan saja terletak pada bahasanya dan panduan yang tersirat, tetapi juga dari segi seni tilawahnya yang dibaca dengan suara yang merdu sesuai dengan kedudukannya iaitu al-Quran kalam Allah Swt.

## Sejarah Tarannum

Ustaz Nor Muhammad bin Ali, yang membimbing pelajar Taranum di Masjid Mujahidin berkata, seni suara atau muzik merupakan sebahagian daripada budaya sesebuah masyarakat setempat. Berdasarkan catatan sejarah, masyarakat Arab jahiliyyah pada ketika itu mengadakan bentuk hiburan bagi menenangkan mereka di kala beristirehat dengan mendengarkan nyanyian-nyanyian dari kalangan hamba. Begitulah budaya dan cara mereka berhibur.

